**BOLA KERANJANG IPT 3 x 3 FIBA**

DE 4.2.2015 11

# UMS tunduk kepada Kolej Sunway di final

**GL Oh**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil di tempat kedua dalam karnival bola keranjang IPT 3 x 3 FIBA ke-5, yang diadakan di Universiti Malaysia Pahang pada hujung minggu.

Pasukan yang terdiri daripada Chin Yee Ting, Woo Siew Yin, Long Wan Lin dan Teh Shu Ying tumpas 5-16 kepada Kolej Sunway di final dan mereka turut kalah 8-13 kepada pasukan dalam dalam pusingan awal.



PASUKAN bola keranjang UMS.

Sebanyak 21 pasukan mengambil bahagian dalam acara tahunan itu dan terdahulu di separuh akhir pasukan UMS ini menyingkirkan UPSI dengan 8-5 untuk ke final.